

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JUN 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

## Malaysia catat kadar pertumbuhan positif pada 2022 berbanding 2021

**Kuala Lumpur:** Malaysia kekal pada trajektori ekonomi yang kukuh dengan semua negeri mencatatkan kadar pertumbuhan positif pada 2022 berbanding 2021, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Dalam laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut negeri bagi 2022 yang dikeluarkan semalam, jabatan itu berkata, ia merekodkan pertumbuhan positif walaupun terdapat ketidak-tentuan ekonomi global, konflik geopolitik dan gangguan dalam rantaian bekalan makanan.

Ia juga berkata, pembu-

### EKONOMI

## Malaysia catat kadar pertumbuhan positif pada 2022 berbanding 2021

kaan semula sempadan antarabangsa Malaysia pada 1 April 2022 telah mempercepatkan pemulihan dalam semua sektor ekonomi, khususnya industri berkaitan pelancongan.

"Prestasi ini memuncak dengan pertumbuhan KDNK 8.7 peratus pada 2022, dengan nilai tambah

berjumlah RM1.5 trilion, mengatasi nilai prapandemik pada 2019 sebanyak RM1.4 trilion.

"Sektor perkhidmatan yang menguasai ekonomi negara, mengukuh sebanyak 10.9 peratus berbanding tahun 2021, diikuti oleh sektor pembuatan, yang meningkat sebanyak

8.1 peratus," kata DoSM.

Dalam tempoh yang sama, sektor pertanian pulih sebanyak 0.1 peratus, sektor perlombongan dan kuari meningkat 2.6 peratus dan sektor pembinaan melantun kepada 5.0 peratus.

Empat negeri yang mengatasi kadar pertumbu-

han nasional pada 2022 ialah Pulau Pinang (13.1 peratus), Selangor (11.9 peratus), Pahang (10.8 peratus) dan Kuala Lumpur (9.2 peratus).

Prestasi ekonomi Pulau Pinang yang memberangsangkan dipacu oleh sektor pembuatan yang merupakan pemacu utama ekonomi negeri itu berkembang kukuh kepada 15.9 peratus (2021: 12.4 peratus).

Pengembangan ini disokong oleh produk elektrik, elektronik dan optikal eko-ran daripada peningkatan permintaan semikonduktor yang positif di peringkat global.